

984 mangsa banjir dipindahkan

BUKIT CHANGGANG - Daerah Kuala Langat masih mencatatkan jumlah mangsa banjir terbanyak kira-kira 984 mangsa dari 253 keluarga sehingga jam 6 pagi, semalam.

Bilik Gerakan Banjir Daerah Kuala Langat memaklumkan, mangsa ditempatkan di empat pusat pemindahan iaitu Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang (776), Dewan Orang Ramai Bukit Changgang (62), Genting Sanyen (60) dan Dewan Bukit Tadam (86).

Dalam pada itu, Jalan Haji Amin, Jalan Layang Labi dan Jalan Sentosa di Kampung Labohan Dagang turut dinaiki air.

Penduduk, Razali Rusnan, 50, berkata, pihak bertanggungjawab perlu memantau pergerakan paras air yang masuk ke kampung berkenaan supaya langkah berhati-hati dapat diambil penduduk.

“Pemberitahuan dari semasa ke semasa tentang paras air membolehkan penduduk menjaga harta benda terutamanya dokumen penting dan berpindah sekiranya disaran berbuat demikian,” katanya.